

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR,  
JABATAN SENIBINA DALAMAN  
NOV. 2004**

Adalah disyorkan bahawa laporan kajian akhir ini disediakan

oleh :

**SITI FAIROS BT AHAMAD SHAFIAN**

**2002286136**

bertajuk

**LAPORAN AKHIR**

**CADANGAN MENAIKTARAF REKABENTUK RUANG DALAMAN**

**DESIGNER MUSIC**


**NO 11, PERSIARAN KAMPAR,**

**30250, IPOH PERAK.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : En. Fakhul Zaman Mohd Yusoff



Koordinator : Puan Norashikin

---

Ketua kursus : Puan Ramlah Alwi

---

## **ABSTRAK**

Pembentukan sebuah rekabentuk adalah berdasarkan apa yang dilihat, apa yang dikaji serta penelitian tajam bagi menghasilkan suatu rekabentuk yang berjaya. Ia haruslah dilihat dari pelbagai aspek samada aspek luaran ataupun dalaman.

Penggunaan elemen – elemen yang sesuai amat penting dalam penghasilan sesuatu projek bagi mendapatkan ketepatan konsep yang ingin ditonjolkan. Ini adalah kerana dengan menggunakan cara ini, sesebuah rekabentuk itu dapat dihasilkan dengan kesempurnaan yang maksima.

Pusat Muzik ini ditubuhkan sebagai salah satu badan yang menyokong serta merupakan salah satu usaha dalam menaikkan taraf industri muzik tanah air khususnya dan antarabangsa amnya. Oleh itu, rekabentuknya haruslah menyentuh pada praktikaliti dan juga nilain – nilai estetik. Denagn adanya Pusat Muzik ini, ianya dijangka bukan sahaja dapat menarik peminat muzik sahaja malah mampu menjadi daya tarikan kepada orang ramai tidak kira umur dan bangsa. Ianya juga boleh menjadi salah satu aktiviti riadah dan aktiviti sosial yang sihat.

## **ISI KANDUNGAN** **M / S**

<b>Penghargaan</b>		
<b>Abstrak</b>		
<b>TAJUK</b>	<b>M / S</b>	
<b>BAB 1</b>	<b>PENGENALAN</b>	
1.0	Pengenalan Projek	1 – 2
1.1	Skop Kajian	3 – 6
1.2	Objektif Kajian	7
1.3	Faedah Kepada Masyarakat	8 – 9
1.4	Methodologi Kajian	10 – 11
1.5	Kajian Kes	12 – 14
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LATARBELAKANG KLIEN</b>	
2.0	Latarbelakang Syarikat	15 – 16
2.1	Carta Organisasi Syarikat	17 – 18
2.2	Sistem Operasi	19 – 20
2.3	Keperluan Ruang	21 – 22
2.4	Masalah Rekabentuk Asal Bangunan	23 – 25
2.5	Cadangan Penyelesaian Masalah	26

<b>BAB 3</b>	<b>KAJIAN TAPAK</b>	
3.0	Analisa Tapak	27 – 32
3.1	Pemilihan Tapak	30 – 32
3.2	Ciri – ciri Bangunan	33 - 38
3.3	Kesan Akustik Kepada Tapak Bangunan	39
3.4	Laluan Lalulintas Kanderaan	
	Persendirian & Awam	40
<b>BAB 4</b>	<b>PERANCANGAN REKABENTUK / SINTESIS</b>	
4.0	Pengenalan Projek	41
4.1	Analisa Tapak	42
4.2	Objektif Rekabentuk	43
4.3	Imej Rekabentuk	44 – 45
4.4	Konsep & Perancangan Rekabentuk	46 – 69
4.5	Perkhidmatan & Keperluan Manusia	70 – 73
4.6	Rumusan Terhadap Keseluruhan Cadangan	74 – 75
<b>BAB 5</b>	<b>LAMPIRAN</b>	76 – 86
<b>BAB 6</b>	<b>BIBLIOGRAFI</b>	87 - 88
<b>BAB 7</b>	<b>SUMBER RUJUKAN</b>	89

## **1.0 PENGENALAN PROJEK**

Dunia tanpa muzik adalah ibarat berkata tanpa bunyi. Ini menunjukkan bahawa jika di dalam sesebuah kehidupan, elemen muzik diketepikan, tiada sesuatu yang boleh menjadikan ianya lebih menarik dan bermakna. Ini membuktikan bahawa muzik dalam kehidupan seseorang adalah penting dan mungkin juga suatu hari nanti ianya akan menjadi satu keperluan jika ianya diberi sokongan yang sewajarnya.

Untuk memenuhi keperluan ini, sesuatu perlu dilakukan untuk membantu meningkatkan taraf industri muzik ini supaya lebih digemari . salah satu caranya adalah dengan mewujudkan sebuah pusat muzik supaya dapat memenuhi kehendak penggemar muzik khususnya golongan remaja.

Oleh itu, bagi semester akhir Diploma Rekabentuk Dalaman ini, saya telah memilih untuk membuat satu pusat riadah untuk golongan sasaran saya iaitu remaja dengan cara pendekatan terhadap dunia muzik. Saya memilih muzik sebagai aset penting dalam projek ini kerana ianya sinonim dengan remaja.

Selain itu, jika dikaji, muzik sememangnya telah wujud berabad – abad yang lalu iaitu sejak zaman Medieval sehingga sekarang. Ini membuktikan muzik adalah salah satu pilihan dalam cara hidup manusia. Setelah diteliti, secara majoritinya, setiap orang mendengar muzik dan mungkin cuma perbezaannya adalah minat, fahaman dan cara pembawakan muzik itu.